



BAB KEEMPAT

PERUNTUKAN DARAR DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

4.1. Pendahuluan

Kajian kes ini dijalankan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MSWPKL). Di sini penulis mengkaji kes-kes permohonan fasakh dalam pelbagai bentuk tuntutan yang diharuskan syarak dan diperuntukkan oleh undang-undang kerana *darar*. Perangkaan kes dan sinopsis daripada kes-kes fasakh yang disabitkan dinyatakan di dalam bab ini.

4.2. Peruntukan *Darar* Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana *darar* sebagaimana yang disebut dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (AUKIWP) 1984 (Akta 303) iaitu:

Seseorang perempuan yang berkahwin mengikut hukum syarak adalah berhak mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau fasakh daripada alasan-alasan berikut:¹

4.2.1. Suami Hilang

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami hilang disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Bahawa tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun.²

¹Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), Aura Productions Sdn. Bhd., 1999, Seksyen 52(1), h. 37.

²Ibid., Sek. 52(1)(a), h. 38.

Suami yang hilang atau tidak dapat dikesan tempat tinggalnya, bermakna dia telah mengabaikan tanggungjawab dari segi nafkah zahir dan batin terhadap isterinya yang merupakan satu kewajipan yang mesti dilaksanakan. Kehilangan suami dalam tempoh satu tahun yang mendatangkan penderitaan dan kemudaratan kepada kehidupan isteri di mana suami tidak dapat menunaikan nafkah zahir dan batin. Peruntukan seksyen ini mengambil pandangan fuqaha' mazhab Mālikī dan Ḥanbalī yang mengharuskan pembubaran perkahwinan kerana kehilangan suami apabila lama masanya dan menimbulkan kemudaratan kepada isteri sekalipun suaminya meninggalkan bagi isteri nafkah kerana ketika kehilangannya menimbulkan kemudaratan yang bersanggatan kepada isteri.

4.2.2. Tidak Memberi Nafkah

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami tidak memberi nafkah disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tiga bulan.³

Adalah menjadi kewajipan suami untuk memperuntukkan nafkah secukupnya kepada isterinya mengikut kemampuan dan keselesaannya. Ini telah difirmankan oleh Allah di dalam al-Quran yang berbunyi :

وَعَلَىٰ الْمُؤْلِودِ لَهُ بِرْزَقٌ فَإِنْ شَوَّهُنَّ بِالْمَغْرُوفِ

Surah al-Baqarah (2): 233

Ertinya: Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

³Ibid . Sek 52(1)(b)

Peruntukan ini bersesuaian dengan kehendak syarak di mana suami wajib membayar nafkah kepada isteri berdasarkan kemampuan yang ada. Keengganan dan ketidakmampuan adalah satu tindakan yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada isteri dan anak-anak mereka. Peruntukan ini berdasarkan pendapat jumhur fuqaha⁴ iaitu fuqaha' mazhab Mālikī, Syāfi‘ī dan Ḥanbalī bahawa harus bagi isteri memohon fasakh kerana suami tidak memberi nafkah.⁵

4.2.3. Suami dipenjarakan

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami dipenjarakan disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Bahawa suami telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih.⁵

Melalui peruntukan ini isteri berpeluang untuk memohon fasakh disebabkan suaminya telah dipenjarakan dalam tempoh melebihi tiga tahun atau lebih. Daripada tindakan pemenjaraan, suami tidak dapat melaksanakan tanggungjawab daripada pemberian nafkah zahir dan batin, tidak dapat memberi perlindungan dan pendidikan yang sewajarnya. Kesemua perkara tersebut boleh menimbulkan kemudaratan dan akibat yang buruk sekiranya ia berterusan ke atas isteri. Keharusan isteri memohon fasakh akibat suami dipenjarakan adalah jalan penyelamat bagi isteri untuk menjauhkan diri daripada sebarang kemudaratan seperti kelaparan, perzinaan dan menimbulkan fitnah dan tohmahan yang tidak enak terhadap isteri.

⁴Dr Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 7, c. 3, Dimasyq Dār al-Fikr, h 512

⁵Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 Akta (303), op cit., Sek 52(1)(c).

Dengan berlakunya perpisahan, isteri dapat menyelamatkan dirinya daripada terjerumus ke kancah perzinaan selain daripada fitnah-fitnah daripada masyarakat setempat. Keharusan ini juga berdasarkan pandangan daripada mazhab Mālikī yang membenarkan isteri memohon fasakh akibat akan timbul kemudaratannya.⁶ Walau bagaimanapun mazhab Mālikī mengharuskan isteri memohon fasakh bagi suami yang dipenjara selama setahun dan lebih sedangkan AUKIWP 1984 (Akta 303) memperuntukkan fasakh kerana suami dipenjara selama tempoh tiga tahun atau lebih.

4.2.4. Tidak Memberi Nafkah Batin

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami tidak memberi nafkah batin disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Bahawa suami telah tidak menunaikan tanpa sebab yang munasabah kewajipan perkahwinan (nafkah batin) selama tempoh satu tahun.⁷

Antara tujuan utama perkahwinan adalah untuk menunaikan tuntutan nafri seks yang ada pada semua manusia. Daripada hasil hubungan seks dapat melahirkan zuriat penerus kepada generasi akan datang. Hubungan seks adalah satu tuntutan yang mesti dilaksanakan oleh pasangan suami isteri. Kegagalan suami untuk menunaikannya adalah kecuaian yang banyak kesan kepada isteri serta mendatangkan kemudaratannya. Ini merupakan kewajipan timbal balik di mana kedua-dua pihak memainkan peranan untuk memenuhi tanggungjawab ini. Antara tujuan perkahwinan ialah untuk melahirkan anak hasil daripada hubungan seks

⁶Lihat al-Zuhayli (1989), op.cit., h. 535.

⁷Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 Akta (303), op.cit., Sek. 52(1)(d).

yang dilakukan oleh pasangan. Fuqaha' mazhab Mālikī dan Ḥanbalī berpendapat harus bagi isteri memohon fasakh dengan sebab suami yang tidak menyetubuhinya kerana menolak *darar*.⁸

4.2.5. Mati Pucuk

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami mengalami mati pucuk disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

*Bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk.*⁹

Mati pucuk adalah satu kcaiban yang terdapat pada suami yang mana kecacatan ini akan mengharuskan isteri memohon fasakh. Di mana kecacatan ini timbu't samada daripada penyakit atau umur yang lanjut yang menyebabkan si suami tiada dapat untuk melakukan hubungan seks. Kegagalan suami untuk memenuhi kehendak seks isteri kerana kelemahan tersebut boleh mendatangkan kesan mudarat kepada isteri, dikhawatir isteri akan mencari lelaki yang lain untuk memenuhi kehendak nafsu seks yang akan menjerumuskannya ke kancah perzinaan.

Peruntukan undang-undang ini mengambil pendapat semua mazhab yang empat yang mengharuskan kadi membubarkan perkahwinan suami isteri.¹⁰ Mati

⁸Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān (1994), *al-Mufassal fi Al-kām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, j. 8, c. 2, Beirūt: Muassasah al-Risalah, h. 469

⁹Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 Akta (303), op.cit., Sek 52(1)(e)

¹⁰Lihat Dr. Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (1974), *al-Zawāj wa al-Ṭalāq fi al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn*, c. 2, Iskandariyah: Muassasah Syabāb al-Jāmi'iyyah, h. 441.

pucuk menyebabkan terhalang dari mencapai tujuan sesuatu perkahwinan iaitu untuk menyambung zuriat atau mendapat anak.

4.2.6. Keaiban (Gila Dan Penyakit Berjangkit)

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami gila atau mengidap penyakit berjangkit disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Bahawa suami gila selama tempoh dua tahun atau sedang mengidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang mengidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit.¹¹

Suami yang dihinggapi penyakit gila, kusta, vitiligo dan penyakit merbahaya telah tidak melaksanakan tanggungjawab serta mendatangkan kemudaratan kepada kehidupan isteri. Penyakit gila iaitu hilang akal dan kewarasan serta hilang pertimbangan dalam tindakan yang dilakukan. Ini semua telah menghalang ia melaksanakan kewajipan dalam rumah tangga kerana ia sendiri tidak mampu untuk menguruskan dirinya sendiri apatah lagi diri orang lain iaitu isteri. Peruntukan seksyen ini mengambil pendapat kebanyakan daripada kalangan fuqaha' iaitu Mālikī, Syāfi‘ī dan Ḥanbalī yang mengharuskan fasakh perkahwinan.¹² Begitu juga dengan penyakit merbahaya seperti kusta, vitiligo dan lain-lain yang akan memudaratkan kehidupan isteri di mana penyakit tersebut boleh berjangkit dan membahayakan kesihatan isteri.

¹¹ Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 Akta (303), op.cit., Sek. 52(1)(f)

¹² Lihat Dr Badrān Abū al-'Aynayn Badrān (1974), op. cit., h. 336

4.2.7. Suami Menganiayai Isteri

i) Lazim Menyakiti Fizikal

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami lazim menyakiti fizikalnya disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan anjaya.¹³

Tindakan suami menganiayai isteri dengan tindakan fizikal seperti sepak terjang, menampar, menumbuk dan sebagainya adalah satu perkara yang menyakitkan isteri. Sebagai suami adalah tidak wajar bertindak sedemikian kerana tanggungjawab suami ialah mendidik dan menjaga serta melindungi isteri daripada merbahaya bukannya mendatangkan bahaya kepadanya. Sikap dan tindakan ini adalah salah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan walaupun Islam membenarkan pukulan tetapi ia dalam bentuk didikan untuk memberi pengajaran bukannya penganiayaan. Di dalam keadaan yang begini, mengikut fuqaha' mazhab Mālikī adalah harus bagi isteri memohon pembubaran perkahwinan.¹⁴

ii) Suami Berperangai Keji

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami berperangai keji disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

¹³ Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 Akta (303), op.cit., Sek 52(h)(i).

¹⁴ Zaydān (1994), op. cit., h. 438.

Berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan hukum syarak.¹⁵

Sikap suami yang bercampurgaul dengan perempuan jahat termasuk pelacur, bohsia, penyanyi, GRO dan sebagainya serta berperangai keji seperti berzina, bermain judi, berfoya-foya adalah antara contoh suami yang tidak bertanggungjawab dan tidak bertaqwa. Kehidupan yang dilalui oleh suami tersebut adalah jalan hitam yang dilarang oleh agama Islam. Sikap suami ini akan memberi tekanan mental kepada isteri seolah-olah dirinya tidak dihargai oleh suami kerana ia masih mencari perempuan jahat di luar untuk berseronok-seronok. Ini menggambarkan bahawa suami tidak lagi menyayangi isterinya dan tidak bertanggungjawab terhadap rumah tangganya. Menurut pendapat mazhab Mālikī, harus bagi isteri meminta mahkamah supaya memisahkan daripada suaminya itu.¹⁶ Amat wajar si isteri memohon fasakh daripada jiwa terus tertekan dan merana, malah kadang-kadang mendatangkan kemudarat yang lain seperti penderitaan, penyakit berjangkit seperti AIDS dan sebagainya.

iii) Paksaan Lucah

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami memaksanya hidup secara lucah disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Cuba memaksa isteri hidup secara lucah.¹⁷

¹⁵ Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 Akta (303), op.cit., Sek 52(1)(h)(ii)

¹⁶ Prof. Madya Dr. Mat Saat 'Abd. Rahman (1993), *Undang-undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd., h. 148

¹⁷ Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 Akta (303), op.cit., Sek 52(1)(h)(iii)

Hidup secara luah bermaksud suami memaksa isteri menjadi pelacur dengan cara melayani lelaki lain, memaksa isteri berlakon atau bergambar bogel semata-mata untuk kepentingan dan keuntungan suami. Islam menjaga maruah daripada dicemari oleh orang lain yang akan menyebabkan pencemaran keturunan.

Tindakan suami membawa isteri ke alam pelacuran atau dunia luah mengundang perzinaan yang amat dilarang oleh agama kerana pencemaran keturunan dan kecelaruan nasab. Tindakan suami itu adalah melampau dan mencemar maruah isteri di mana ia dilindungi oleh agama. Atas alasan mendatangkan kemudarat kepada maruah dan keturunan serta ia satu daripada *darar syar'ī* maka isteri berhak memohon fasakh untuk menyelamatkan diri daripada terus dianyai oleh suami.

iv) Melupus Harta

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami melupuskan harta isteri disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Melupuskan harta isteri atau melarang isteri daripada menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu.¹⁸

Melupuskan harta bermaksud mengambil atau menggunakan harta kepunyaan isteri bagi tujuan yang tidak berfaedah seperti berfoya-foya, berjudi dan perkara-perkara yang merugikan dan menghabiskan harta ke jalan yang tidak diredayai oleh syarak. Begitu juga dengan menghalang isteri menggunakan haknya terhadap hartanya. Perlu diingat harta isteri adalah miliknya yang tidak boleh

¹⁸Ibid., Sek. 52(1)(h)(iv).

diambil tanpa keizinannya dan suami tiada hak terhadapnya manakala harta suami adakalanya isteri mempunyai hak dan boleh mengambil tanpa kebenarannya kerana di situ ada hak nafkah yang perlu dilaksanakan. Sebagai suami sepatutnya ia memberi nafkah bukannya bertindak menghabis dan membazirkan harta lebih-lebih lagi harta isteri. Ini adalah satu bentuk penganiayaan terhadap isteri dan menghalang hak dan kebebasannya terhadap harta. Harta adalah lima perkara yang dilindungi oleh agama. Fasakh adalah jalan untuk menyelamatkan harta daripada terus dirampas dan digunakan ke jalan yang tidak direndah oleh isteri dan Allah.

v) Larangan Melaksana Amalan Agama

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami melarangnya melaksana amalan agamanya disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Menghalang isteri daripada menunaikan atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya.¹⁹

Menghalang bermaksud suami melarang isterinya daripada menunaikan kewajipan beragama dan perintah Allah yang wajib ke atas mukallaf umpamanya sembahyang, puasa, zakat fitrah, menutup aurat dan sebagainya. Hak beragama adalah satu yang mesti dipertahankan di dalam Islam. Menghalang dan melarang adalah satu perkara dosa dan mengingkari perintah agama yang boleh membawa kepada rosaknya aqidah seseorang. Isteri boleh memohon fasakh bagi mempertahankan haknya beragama. Sepatutnya seorang suami bertindak mengajar dan mendidik serta membawa isteri ke arah hidup beragama yang lebih

¹⁹Ibid., Sek. 52(1)(h)(v).

baik bukan untuk mengajak isteri jauh dan menyimpang daripada agama Islam yang nurani ini.

vi) Tidak Adil Dalam Berpoligami

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami tidak adil dalam berpoligami disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Jika ia mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak hukum syarak.²⁰

Keadilan merupakan teras utama dalam konteks poligami. Kegagalan berlaku adil dan saksama sebagai jalan ke arah perpecahan dan pertelingkahan mereka. Sikap suami yang tidak adil boleh membawa kepada kemudarat dan penganiayaan kepada mana-mana isteri. Di sini timbul tekanan, benci dan berdendam terhadap suami. Jika suami tidak mampu berlaku adil, isteri boleh memohon fasakh sekiranya isteri tidak sanggup lagi terus menderita dan merana. Keadilan ini meliputi perlaksanaan nafkah, hak bersama, kasih sayang dan sebagainya.

vii) Sengaja Tidak Menunai Nafkah Batin.

Seorang isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana suami sengaja tidak menunai nafkah batin disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

²⁰Ibid., Sek. 52(1)(h)(vi)

Bahawa walaupun empat bulan berlalu tetapi isteri masih belum disetubuh oleh kerana suami bersengaja enggan mensemtubuhinya.²¹

Sutami isteri masing-masing perlu bersama-sama memenuhi kehendak seks pasangannya kerana ia adalah menjadi tanggungjawab dalam kehidupan suami isteri. Keengganan suami secara sengaja tidak melakukan hubungan dengan isterinya memberi kesan kemudaratan kepada isteri. Isteri boleh mohon fasakh kerana keengganannya malah suami yang mati pucuk dan sebagainya, isteri boleh memohon fasakh apatah lagi dengan sengaja untuk menganiayai isteri. Daripada isteri melakukan perzinaan maka adalah lebih wajar isteri memohon fasakh untuk membina rumah tangga yang lain. Peruntukan seksyen ini mengambil pendapat fuqaha' mazhab Mālikī dan Ḥanbalī bahawa harus bagi isteri memohon fasakh yang dengan sebab suami yang tidak menyetubuhinya untuk menolak *darar*.²²

viii) Lain-lain Kes.

Seorang isteri juga berhak menuntut pembubaran perkahwinan kerana alasan-alasan lain yang diiktiraf oleh hukum syarak disebut dalam AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

Apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi menibubarkan perkahwinan atau bagi fasakh di bawah hukum syarak.²³

Seksyen ini memberi peruntukan bebas kepada mahkamah untuk menentukan apakah wajar sesuatu perkara yang tidak disebut di dalam akta ini dibenarkan fasakh. Ini memberi ruang seluasnya kepada isteri mengemukakan

²¹Ibid., Sek. 52(1)(i).

²²Zaydān, op. cit., h. 469.

²³Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 Akta (303), op cit., Sek. 52(1)(l), h. 39.

bentuk-bentuk baru yang boleh dipohon fasakh mengikut ketentuan dan budi bicara mahkamah.

4.3. Laporan Kes *Darar* Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Kes tuntutan fasakh merupakan kes mal yang sukar untuk disabitkan, maka tidak hairanlah tidak banyak kes yang dapat disabitkan sekiranya tiada keterangan dan bukti yang kukuh daripada Pihak Menuduh (PM). Ini kerana PM mempunyai tanggungjawab yang berat untuk membuktikan tuntutan-tuntutan yang didakwanya. Ini menjadikan sedikit atau separuh sahaja kes fasakh dapat disabitkan di mahkamah jika dibandingkan secara umum dengan kes-kes mal yang lain seperti lafaz cerai, permohonan cerai, cerai taklik dan lain-lain.

Ini begitu ketara dalam perangkaan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah bahawa pada tahun 1996 hanya 24 kes sahaja dapat diselesaikan daripada 50 kes, tahun 1997 sebanyak 72 kes daripada 86 kes dan pada tahun 1998 sebanyak 73 kes telah diputuskan daripada 119 kes. Begitu juga dengan perangkaan pada tahun 1999 hanya sebanyak 52 kes fasakh diselesaikan berbanding 86 kes yang masih tertangguh termasuk kes-kes yang dibawa daripada tahun sebelumnya.

Kebanyakan kes-kes yang dikemukakan ke Mahkamah Syariah melibatkan kes-kes yang melibatkan kes-kes penganiayaan isteri dalam pelbagai aspek seperti tidak membayar nafkah, penderaan, kecacatan dan penyakit berbahaya. Menurut Penolong Pendaftar MSWPKE, dalam kes melibatkan tidak membayar nafkah sukar untuk disabitkan kerana sikap suami yang bertindak membayar nafkah sebaik sahaja mendapat tahu bahawa isterinya menuntut fasakh kerana tidak

membayar nafkah walaupun ia tidak pernah membayar sebelum ini. Ini menyebabkan kes ini tidak dapat disabitkan.

Dalam kes fasakh, PM perlu membawa sebanyak mungkin keterangan yang boleh membuktikan dakwaannya. Sebagai contoh dalam kes penderaan isteri perlu mengenukakan salinan laporan perubatan dan laporan polis. Dan semasa perbicaraan PM perlu membawa doktor yang merawatnya sebagai saksi penting untuk mensabitkan dakwaan penganiayaan yang diperlakukan terhadapnya di samping saksi yang diperakui untuk menguatkan hujah ditambah dengan sumpah *syar* PM di dalam mensabitkan dakwaan terhadap Pihak Kena Tuduh (PKT).

4.4. Senarai Kes Fasakh Kerana *Darar* Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

a) Saadiah binti Mahmud Iwn. Marzuki bin Saat (985/96)

Dalam kes ini, Saadiah (PM) memohon fasakh pernikahannya dengan Marzuki (PKT) daripada mahkamah kerana beberapa alasan yang dikemukakan. Mereka telah bernikah pada tarikh 26 April 1983 tetapi telah bercerai pada 28 Ogos 1984. Walaupun begitu, PKT telah rujuk semula pada 12 November 1984. PKT adalah warganegara Indonesia. Hasil perkongsian hidup PM dan PKT, mereka telah dikurniakan seorang cahayamata.

Pada awal perkahwinan, tiada berlaku apa-apa masalah besar dalam rumah tangga mereka sehingga pada tahun 1985 telah berlaku perselisihan antara mereka menyebabkan PKT keluar meninggalkan rumah. Walaupun PM telah cuba berusaha mencari PKT melalui rakan-rakannya namun ia tidak dapat

dikesan. PKT dipercayai telah balik ke Indonesia. Semenjak PKT menghilangkan diri melebihi sepuluh tahun, beliau tidak pernah mengirim nafkah kepada PM.

PM juga telah membuat aduan ke Unit Perunding dan Pembangunan Keluarga (UPPK) JAWI untuk mendapatkan penyelesaian tetapi tiada penyelesaian yang dicapai kerana PKT tidak menghadirkan diri.

Oleh yang demikian, PM memohon kepada mahkamah yang mulia agar mensabitkan fasakh ke atas PKT atas alasan berikut berdasarkan seksyen 52(1)(a), (b) dan (d) AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu:

- i) bahawa tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun.
- ii) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan.
- iii) bahawa suami telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun.

Dalam penghakiman, mahkamah telah memutuskan sabit cerai fasakh pada 20 May 1997 dengan dikukuhkan tiga orang saksi berdasarkan seksyen 52(1)(b) dan (d).

b) Mazlita bt. Zainol Harris Iwn. Mohd Rafiq Manglis b. Abdullah (851/97)

Pihak penuntut (PM) dan Pihak Kena Tuntut (PKT) telah berkahwin semenjak 29 Ogos 1994 dan telah dikurniakan seorang anak. PM mendakwa pada awal rumahtangga mereka aman damai tetapi setelah PM melahirkan anak, PKT bertindak meninggalkannya. Sejak itu, PKT tidak lagi memberi nafkah kepada PM. PM terpaksa menumpang di rumah ibunya. Sepanjang ditinggalkan, PM

sentiasa taat dan setia pada ikatan perkahwinan tetapi tidak reda dengan perbuatan PKT meninggalkan PM tanpa sebarang nafkah malahan PM sudah hilang kesabarannya dan kasih sayang terhadap PKT.

Oleh yang demikian, PM memohon kepada mahkamah mengenakan perintah mensabitkan cerai fasakh antara PM dan PKT atas pengabaian serta penafian hak nafkah PM melebihi tiga bulan sebagaimana peruntukan seksyen 52(1)(b) AUKIWP 1984 (Akta 303). Mahkamah telah memutuskan sabit cerai fasakh pada 14 Januari 1998 mengikut seksyen tersebut.

c) Norhasmah bt. Yusuf Iwn. Sani b. Basri (1334/97)

PM dan PKT telah berkahwin pada 22 April 1991. Hasil perkahwinan mereka telah dikurniakan tiga orang anak. PM mendakwa rumah tangga mereka tidak bahagia semenjak awal perkahwinan lagi disebabkan masalah kewangan.

PKT adalah seorang penagih dadah dan pernah dimasukkan ke Pusat Rawatan Penagihan Dadah kerana terlibat di dalam penagihan dadah. PKT juga sering melakukan penderaan fizikal ke atas PM dengan memukul PM tanpa apa-apa sebab yang patut di sisi hukum syarak. PKT juga telah bertindak keterlaluan dengan meletakkan alat sterika panas di tangan PM menyebabkan PM mengalami kecederaan serius.

Oleh kerana tidak tahan dengan sikap buruk PKT untuk meneruskan hubungan rumah tangga maka PM telah menuntut permohonan fasakh perkahwinan atas alasan bahawa suami lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan anaya sebagaimana peruntukan seksyen 52(h)(i) AUKIWP 1984 (Akta 303).

Dalam penghakiman, mahkamah telah menjatuhkan sabit cerai fasakh pada 13 Julai 1998 berdasarkan peruntukan tersebut di atas.

d) Sakinah bt. Mahmud Iwn. Hafiz Pederson b. Abdullah (1424/98)

PM dan PKT telah berkahwin pada 7 May 1993 dan didaftarkan pada 9 Jun 1993 di Kolej Islam Australia. Pernikahan ini juga telah didaftarkan di JAWI pada 22 Disember 1997. PM mendakwa pernikahan mereka adalah atas dasar suka sama suka. Hasil daripada pernikahan tersebut mereka telah dikurniakan seorang anak lelaki.

Sejak dari awal perkahwinan lagi PM dan PKT tinggal bersama-sama ibubapa PM. Sepanjang perkahwinan mereka, PM mendapati PKT adalah seorang yang suka minum 'arak, tidak berpuasa pada bulan Ramadhan dan tidak bersembahyang. PM seringkali menasihati PKT tetapi tidak dihiraukan. Akibat sikap PKT ini menyebabkan masalah dan krisis rumahtangga selalu timbul di mana PM tidak dapat menanggung keadaan ini. PKT juga tidak pernah membimbing PM malahan PKT sendiri telah gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Islam seperti menunaikan sembahyang dan puasa di bulan Ramadhan. PKT juga cuai menguruskan tanggungjawabnya sebagai suami dan bapa dan beliau juga langsung tidak mengambil tahu tentang urusan rumahtangga.

Dalam mengatasi masalah rumahtangga ini PM pernah cuba berbincang dengan PKT dan menasihati beliau tetapi usaha tersebut gagal memulihkan keharmonian rumahtangga mereka. Lantaran itu PM juga seringkali mengalami tekanan emosi akibat masalah rumahtangga mereka.

Sejak daripada bulan Oktober 1996 PKT telah tidak tinggal bersama-sama PM. PKT telah kembali ke Australia kerana ia menyatakan bahawa hidup di Malaysia tidak bebas. PKT juga tidak memberikan nafkah kepada PM sejak peninggalannya.

Pada akhir tahun 1997 PM telah menelefon rumah PKT di Australia dan terkejut apabila mendengar suara wanita yang menjawab panggilan tersebut. PM menanyakan kepada wanita tersebut apakah hubungan di antara beliau dan PKT dan wanita tersebut memberitahu bahawa beliau adalah teman wanita PKT dan mereka tinggal bersama.

Oleh yang demikian, PM memohon kepada mahkamah untuk memfasakhkan perkahwinan PM dan PKT di bawah seksyen 52(1)(b) dan (h)(i), (ii) dan (/) AUKIWP 1984 (Akta 303) seperti berikut:

- i) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan.
- ii) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya.
- iii) berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan hukum syarak.
- iv) apa-apapun alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh di bawah hukum syarak.

Dalam penghakiman, mahkamah berpuashati bahawa PKT tidak mengambil peduli dan tidak bertanggungjawab terhadap PM dan tidak memberi nafkah kepada PM sejak mula berkahwin pada 7 May 1993 dan berterusan sehingga kes diputuskan pada 8 Jun 1999. Mahkamah mensabitkan cerai fasakh berdasarkan

keterangan-keterangan PM yang dikukuhkan dengan keterangan dua orang saksi lelaki dan sumpah *syarī* PM sendiri. Tidak ada pertentangan keterangan saksi-saksi tersebut.

Oleh itu mahkamah mensabitkan bahawa PKT telah tidak memberi nafkah lebih daripada tiga bulan berturut-turut sedangkan PKT berupaya melakukannya mengikut seksyen 52(1)(b).

e) Norhana bt. Mustapha Iwn. Wan Izahar b. Wan Man (1466/98)

PM dan PKT telah berkahwin 28 May 1989 dan dikurniakan anak seramai dua orang. Perkahwinan PM dan PKT telah diatur oleh ibubapa PM. PM tidak pernah mengenali PKT sebelum mereka berkahwin dan PM menerima PKT kerana taat serta menjaga hati kedua ibubapanya.

PM telah menanggung derita semenjak dari awal perkahwinan lagi di mana PKT telah cuai dan tidak mengadakan peruntukan nafkah diri dan juga dalam hal menyediakan tempat tinggal untuk PM dan anak-anak. PM telah membuat laporan di UPPK JAWI mengadukan masalah rumah tangga mereka tiada jalan penyelesaian dicapai.

Dalam penghakiman, mahkamah berpuashati bahawa PKT tidak mengambil peduli terhadap PM dan tidak memberi nafkah hidup kepada PM sejak awal perkahwinan iaitu dalam tahun 1989 sehingga kes diputuskan pada 19 May 1999. Mahkamah mensabitkan cerai fasakh berdasarkan keterangan dua orang saksi lelaki dan sumpah *syarī* PM sendiri. Malahan tidak ada pertentangan keterangan saksi-saksi tersebut.

Oleh itu mahkamah sabitkan bahawa PKT telah gagal memberi nafkah terhadap PM lebih daripada tiga bulan berturut-turut sedangkan PKT orang yang mesti bertanggungjawab. Keputusan ini berdasarkan peruntukan seksyen 52(1)(b) AUKIWP 1984 (Akta 303).

f) Ramah bt. Tan Idris lwn. Zakaria b. Yaakob (1610/98)

PM dan PKT telah berkahwin pada 16 November 1986 dan dikurniakan tiga orang anak. PM mendakwa pada awal perkahwinan, kehidupan rumah tangga mereka bahagia. Walau bagaimanapun semuanya berubah pada mulai tahun 1993 apabila fikiran PKT mula terganggu sehingga menyebabkan PKT tidak pergi bekerja dan seterusnya beliau sering meracau dan tidak ingat (lupa ingatan) pada masa-masa tertentu.

PM telah cuba mengubati PKT tetapi tidak berjaya, kemudian PKT telah dihantar ke hospital pada 20 Februari 1998 dan disahkan oleh doktor mempunyai masalah mental. Disebabkan penyakit tersebut, PKT tidak dapat menunaikan tanggungjawab sebagai suami dan ketua keluarga dengan sempurna kerana PKT tidak mempunyai pekerjaan yang tetap.

PM terpaksa menanggung semua perbelanjaan keluarga bagi meneruskan kehidupan seperti orang lain. Sebagai isteri, PM ada keinginan untuk mendapatkan nafkah batin daripada PKT sejak tahun 1993 tetapi PKT sering marah-marah dan langsung tidak memperdulikan tanggungjawabnya kepada PM. Akibatnya PM telah tidak reda lagi pengabaian nafkah oleh PKT sejak awal tahun 1998. PM rasa tertekan dengan keadaan PKT tersebut setelah puas bersabar

dengan harapan agar PKT sembuh daripada penyakit tersebut namun ia tidak berhasil.

Oleh yang demikian, PM memohon kepada mahkamah agar mengeluarkan perintah berhubung perkara mensabitkan cerai fasakh di antara PM dan PKT atas penafian nafkah melebihi tiga bulan berturut-turut.

Dalam penghakiman, mahkamah telah mensabitkan cerai fasakh pada 8 Februari 1999 atas alasan bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan. Peruntukan ini adalah berdasarkan seksyen 52(1)(b) AUKIWP 1984 (Akta 303).

g) Wan Ramlah bt. Wan Husin lwn. Awang b. Hassan (834/99)

PM dan PKT telah bernikah pada 9 April 1981 dan telah dikurniakan anak seramai dua orang. PM mendakwa bahawa PKT telah tidak menunaikan kewajipan menyedia dan memberi nafkah zahir dan batin kepada PM menurut kehendak hukum syarak. PKT juga telah melakukan perbuatan yang menimbulkan *darar* kepada PM.

Oleh yang demikian, PM memohon kepada mahkamah untuk menfasakhkan perkahwinan di antara PM dan PKT di bawah seksyen 52(1)(b), (d) dan (h)(i) AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu seperti berikut:

- i) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga tahun.
- ii) bahawa suami telah tidak menunaikan tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun.

- iii) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya.

Dalam penghakiman, mahkamah telah berpuashati dalam mensabitkan cerai fasakh berdasarkan peruntukan seksyen sebagaimana yang dikemukakan oleh PM dalam mensabitkan cerai fasakh. Kes ini telah diputuskan pada 18 Januari 2000.

b) Mazlin bt. Md Yasin Iwn. Abd. Rahim b. Ismail (1278/99)

PM dan PKT telah berkahwin pada 23 Januari 1993 dan tidak dikurniakan anak. PM mendakwa rumah tangga mereka menghadapi masalah dan tiada persefahaman antara satu sama lain. PKT telah melakukan penganiayaan ke atas PM di mana PKT seorang yang panas baran dan bertindak ganas serta memukul PM sehingga menyebabkan kecederaan pada tubuh badan PM. PKT juga telah cuai memberi nafkah yang mencukupi kepada PM. PKT juga berkelakuan sumbang dan pernah di tangkap kerana berkhalwat.

Dalam penghakiman, mahkamah mendapati kenyataan PM adalah berasas dengan dikukuhkan dengan keterangan saksi dan sumpah *syarī* PM sendiri. Mahkamah juga mendapati sekiranya diteruskan perkahwinan ini akan memudaratkan. Maka mahkamah mensabitkan cerai fasakh pada 21 September 2000 berasaskan seksyen 52(h)(i) AUKIWP 1984 (Akta 303) iaitu lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya.

4.5. Kesimpulan

Dalam kes permohonan cerai fasakh, mahkamah melihat semua aspek yang telah dan akan dialami oleh PM sekiranya mereka terus bersama dengan PKT. Kemudaratan yang telah dialami perlu dibuktikan dengan keterangan yang kukuh bersumber saksi dan dokumen yang berkaitan. Mahkamah juga akan melihat bentuk kemudaratan yang dialami oleh PM dan kemungkinan kemudaratan yang lebih besar akan dihadapi jika terus bersama seperti suami mendera isteri sehingga cedera parah atau suami mempunyai kuman HIV positif kerana amat jelas akan memudaratkan kehidupan dan kesihatan isteri jika terus bersama.